



AHLI Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvo Kali Ke-12 USIM bergambar selepas selesai mesyuarat bagi memperhalusi serta meneliti setiap gerak kerja dan persiapan kelancaran pesta tersebut di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Pesta Konvokesyen USIM 13 Nov. ini

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan mengadakan pesta konvokesyen ke-12 pada 13 hingga 16 November depan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah yang mempengerusikan mesyuarat pesta konvo itu berkata, untuk pertama kalinya konvokesyen USIM akan dikendalikan sepenuhnya oleh 406 pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi dan Muamalat universiti berkenaan.

Dalam hubungan itu, beliau berharap, program tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang telah dirancang di bawah kelolaan pelajar-pelajar ICEPS10 atau Konvensyen Keusahawanan Islam.

"Program seumpama ini mampu memberi kemahiran kepada pelajar ketika di alam pekerjaan kerana tidak semua universiti mampu memberi peluang kepada pelajar untuk mengendalikan program utama universiti seperti yang dilakukan oleh USIM.

"Pelan strategik yang dilaksanakan oleh pihak ICEPS10 merupakan satu pelan yang amat baik kerana menerapkan aspek keusahawanan dalam melaksanakan program yang bukan sahaja tertumpu pada aspek keuntungan malah nilai amarah dalam diri," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, orang ramai dijemput untuk memeriahkan pesta konvo tersebut dan sebarang maklumat dan pertanyaan boleh layari di www.facebook.com/ICEPS10 atau iceps10.usim.edu.my.